

Honda perkenal City baru

Model dipertingkatkan mampu raih jualan 2,000 unit sebulan

BH 21/6/12 MS 7

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bharian.com.my

FARIZUL HAFIZ AWANG | BERITA HARIAN

HONDA Malaysia memperkenalkan generasi ketiga Honda City, model dipertingkatkan dengan sasaran jualan 2,000 unit sebulan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Yoichiro Ueno, berkata sasaran jualan itu didorong permintaan kukuh bagi model City sebelum ini yang turut disandarkan kepada tawaran pakej istimewa serta ciri menarik pada model sedan kompak itu termasuk pretasi dan ciri keselamatan yang dipertingkatkan.

"Honda City yang dipertingkatkan ini didatangkan dalam varian S dan E yang masing-masing dijual pada harga atas jalan RM85,980 dan RM90,980," katanya selepas pelancaran model dipertingkatkan itu di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Presiden dan Ketua Pegawai Operasi Honda Malaysia, Rohime Shafie dan Naib Presiden, Katsunori Ishii.

Sejak diperkenalkan di Malaysia pada 2001, Honda Malaysia sehingga April lalu sudah menjual 113,005 unit Honda City sekali gus menjadikannya model pemasangan tempatan (CKD) terlaris di Malaysia.

Ueno berkata, antara pakej menarik yang ditawarkan sempena pelancaran model dipertingkatkan itu adalah jaminan lima tahun tanpa had perbatuan kepada pelanggan yang menyelenggara kenderaan mengikut jadual.

"Pelanggan juga menikmati upah servis percuma sebanyak enam kali sehingga 100,000 kilometer di 60 pusat 3S (jualan, penyelenggaraan dan alat ganti) kami di seluruh negara sekali gus menjadikan pengalaman pemilihan lebih menyeronokkan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Honda City dipertingkatkan itu adalah model CKD pertama yang dikeluarkan semula Honda Malay-



ROHIME (tengah) bersama Ishii (kanan) dan Ueno pada majlis perasmian kereta Honda City terbaru di Kuala Lumpur, semalam.

sia selepas operasi kilang di Pagoh, Melaka, kembali beroperasi pada April lalu.

"Honda Malaysia sudah menyerahkan 3,000 unit Honda City yang tertunggak berikutan pemberhentian sementara operasi kilang itu," katanya.

Oktober tahun lalu, Honda menghentikan operasi kilang di Pagoh berikutan kekurangan alat ganti yang sebahagian besarnya datang dari kilang di Thailand selepas negara jiran itu dilanda banjir.

Antara perbezaan dengan model terdahulu, Honda City dipertingkatkan yang dipadankan dengan enjin 1.5 liter i-VTEC dengan transmisi automatik lima kelajuan, ia didatangkan dengan ciri Paddle Shift yang

membangkitkan rasa sporty yang diterjemahkan menerusi keseronokan pemanduan dengan kawalan penukaran gear pada stering.

Selain itu, kotak gear automatik lima kelajuan disepadukan pula dengan Teknologi Drive-By-Wire (DBW) yang berfungsi mengawal enjin serta menjadikan proses penukaran gear lebih lancar.

Daripada aspek luaran, ia menampilkan reka bentuk aerodinamik dan futuristik digabungkan dengan bampar dan jeriji hadapan krom serta bampar belakang baru.

Bahagian dalaman pula menampilkan warna baru papan pemuka yang lebih kemas menerusi rekaan meter warna metalik dengan nyalaaan biru mewujudkan aura sporty

manakala konsol tengah dengan butang kawalan suhu pendingin hawa yang lebih menarik.

Sistem audio juga dipertingkatkan dan disepadukan bersama sambungan USB terbina dalam, port AUX untuk menambah keseronokan serta hiburan ketika perjalanan.

Kereta baru ini juga dilengkapi sistem beg udara SRS berkembar, Bantuan Kestabilan Kenderaan (VSA), ISOFIX, sistem brek anti-kunci (ABS) dengan Agihan Kuasa Brek Elektronik (EBD) dan Bantuan Brek (BA).

Model ini didatangkan dengan lima warna iaitu Sparkling Brown Metallic, Alabaster Silver Metallic, Polished Metal Metallic, Crystal Black Pearl dan Taffeta White.